



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPNPk.SKPP.UPP.500-3/24 Jld.4(34)

Tarikh **18** September 2019

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Negeri Perak

Semua Pengetua dan Guru Besar
Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah
Negeri Perak

Tuan / Puan,

**TEGURAN BERKAITAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN BUKU
PERKHIDMATAN KERAJAAN (BPK) BAGI TUJUAN DOKUMEN PERSARAAN**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian tuan/puan kepada surat KPM.500-4/14/1Jld.5(88) bertarikh 30 Ogos 2019 berhubung perkara di atas (salinan disertakan).

2. Lanjutan daripada teguran pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhubung perkara di atas, YBrs. Dr. Pengarah Pendidikan Negeri Perak telah memutuskan supaya penggunaan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) Pendua di semua Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah Negeri Perak **dihentikan serta-merta**.

3. Kerjasama pihak tuan/puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMMAD HARRIS T. M. ABDULLAH)

Sektor Sumber Manusia
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

Sk:

YBrs. Dr. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(Ministry Of Education Malaysia)
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
(Human Resource Management Division)
ARAS 3-5 DAN 12-14, BLOK E12, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
Faks : +603-8888 6292
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KPM.500-4/14/1 Jld. 5(88)
Tarikh : 30 Ogos 2019

SEGERA DENGAN E-MEL

Semua Ketua Bahagian

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,



TEGURAN BERKAITAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN (BPK) BAGI TUJUAN DOKUMEN PERSARAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) adalah merupakan **dokumen penting** bagi urusan perkhidmatan seseorang pegawai. BPK merekodkan secara terperinci mengenai hai ehwal berkaitan pegawai bermula daripada lantikan sehingga ke penamatan perkhidmatan.

3. Dalam hubungan berkaitan, Bahagian ini telah menerima beberapa teguran berkaitan kandungan BPK yang tidak lengkap di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. BPK yang tidak lengkap ini telah mengganggu urusan perkhidmatan termasuk kelancaran proses persaraan dan kesannya telah menimbulkan kesukaran kepada pegawai dan Jabatan. Antara teguran oleh agensi pusat tersebut adalah:

- 3.1 terdapat perkara berkaitan perkhidmatan pegawai **tidak dicatatkan atau dicatatkan secara tidak lengkap**;
- 3.2 **tiada pengesahan pegawai** bagi setiap catatan yang dibuat dalam Kenyataan Cuti termasuk pengesahan catatan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR); dan
- 3.3 **kenyataan cuti** yang ditaip semula **tidak sama dengan maklumat asal** catatan dalam BPK.

4. Oleh yang demikian, selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15/2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Bil.1/2009, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan selaku Ketua Jabatan di peringkat Bahagian, negeri, daerah dan sekolah masing-masing adalah dipohon untuk **memastikan segala maklumat yang terkandung di dalam BPK direkod dengan teratur, lengkap dan terkini.**

5. Sekiranya terdapat sebarang masalah berkaitan BPK, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi terus pegawai-pegawai di Unit Buku Perkhidmatan Kerajaan, Bahagian Sumber Manusia di talian 03-8884 7150, 03-8884 7995, 03-8884 7098 atau 03-8884 7299.

6. Di atas kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan di dalam memastikan perkara ini dipatuhi adalah amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' AHMAD NADZRI BIN EMBONG)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

YBhg. Dato' Dr. KSU
YBhg. Datuk Dr. KPPM
TKSU (Pengurusan)